

Dr M nasihat Azalina tidak perlu saman

BH 2 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman, tidak perlu menyaman akhbar tabloid yang menyiarkan laporan mendakwa beliau seorang lesbian kerana itu adalah muslihat untuk menjatuhkan beliau kerana sebab politik.

Sambil menyatakan bukannya mudah menyaman pemfitnah, Perdana Menteri berkata mereka yang membuat dakwaan itu hanya mahukan publisiti dan peluang membuat lebih banyak lagi tuduhan bagi memburuk Azalina apabila perkara itu dibawa ke mahkamah.

"Anda menyaman mereka dan mereka akan berbuat pelbagai tuduhan lain dan menyebarkannya menerusi akhbar. Walaupun pada akhirnya kita dapati anda tidak bersalah, tetapi pada masa itu anda sudah habis.

"Mereka mahu publisiti dan memburuk-burukkan serta mengorek segala perkara baik yang relevan mahu pun yang tidak relevan. Ini cuma muslihat mereka, kita tahu peguam yang cekap boleh memperalatkan mahkamah untuk kepentingan politik.

"Azalina saya ingat tidak usah saman. Saya pun tidak saman walaupun dituduh macam-macam," katanya pada sidang akhbar selepas perhimpunan Hari Pekerja bagi Anggota Sektor Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno diminta menyatakan pandangan beliau berhubung laporan akhbar tabloid Perdana

Sari bahawa Ketua Penaja Puteri Umno itu menjalinkan hubungan lesbian dengan isteri orang.

Laporan tabloid milik penulis kontroversi, Khalid Jafri, itu juga mendakwa Azalina menyalahgunakan wang tabungan Puteri Umno untuk membeli kereta mewah bernilai RM300,000 untuk kekasihnya.

Perdana Menteri berkata, dakwaan terhadap Azalina itu jelas bermotifkan politik kerana ia dibuat ketika pemimpin Puteri Umno itu sedang meningkat naik.

Dr Mahathir berkata, dakwaan itu juga dibuat semata-mata untuk memburuk-burukkan Azalina, bukan untuk tujuan lain.

"Tujuannya adalah tujuan politik sebab dia nampak orang ini naik. Dulu dia tak sebut pun tentang Azalina lesbian. Mengapa dia tak sebut. Ini bukan soal dakwaan, cuma cara untuk memalut lumpur kepada orang lain," katanya.

Dr Mahathir juga menyifatkan mereka yang membuat tuduhan itu sebagai bankrap idea dan tidak mempunyai apa-apa yang berfaedah untuk dilakukan.

"Ini jenis orang yang bankrap, yang tak ada kerja lain...saya berpandangan orang seperti ini tak layak sama sekali diberi lesen untuk mengeluarkan akhbar," katanya.

Terdahulu ketika menjawab soalan pada sesi dialog, Dr Mahathir berkata pendidikan agamayang betul bagi membentuk akhlak mulia adalah asas penting bagi menangani gejala sumbang mahram, bukan hukuman berat di sisi undang-undang saja.